

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN
RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING [TELUK INTAN]

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan statistik *mean* (min), *mode* (mod) dan median markah kokurikulum pelajar lepasan STPM, kursus Matrikulasi, program asasi UM dan UITM yang membuat permohonan ke IPTA dari tahun 2014 hingga 2018, dengan pecahan setiap tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan statistik min (*mean*), mod (*mode*) dan median markah kokurikulum pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), lepasan Matrikulasi dan lepasan Program Asasi UM dan UiTM yang membuat permohonan ke universiti awam bagi tempoh lima tahun dari tahun 2016 sehingga tahun 2020 adalah seperti Jadual berikut:

Pecahan Statistik min, mod dan median markah kokurikulum bagi pelajar lepasan STPM/Matrikulasi/asasi UM/Asasi UiTM yang membuat permohonan ke Universiti Awam

	MIN			MOD			MEDIAN		
	STPM	MATRIK	Asasi UITM/ UM	STPM	MATRIK	Asasi UITM/ UM	STPM	MATRIK	Asasi UITM/ UM
2016/2017	7.25	9.78	9.64	7	10	10	7.26	10	10
2017/2018	7.29	9.76	9.85	7	10	10	7.3	9.9	10
2018/2019	7.79	9.56	9.57	8	10	10	7.8	9.9	10
2019/2020	8.03	9.76	9.64	8	10	10	8	10	10
2020/2021	6.72	9.80	9.30	7	10	10	6.71	10	10
Purata	7.41	9.73	9.6	7.4	10	10	7.41	9.96	10

Bagi tempoh lima tahun tersebut, purata min markah kokurikulum pelajar lepasan STPM adalah sebanyak 7.41, lepasan Matrikulasi sebanyak 9.73 dan lepasan Asasi UiTM/UM sebanyak 9.6. Purata mod untuk lepasan Matrikulasi dan lepasan Asasi UiTM/UM masing masing ialah 10, manakala bagi pelajar lepasan STPM ialah 7.4.

Sementara itu, purata median bagi markah kokurikulum pelajar lepasan Asasi UiTM/UM ialah 10, diikuti dengan pelajar lepasan Matrikulasi, iaitu 9.96 dan 7.41 untuk lepasan STPM.

Sekian, terima kasih.